

Ahli PIDM

KEMPEN RAYA 2022 DAFTAR WASIAT/WILL MELALUI HLB CONNECT

Terma & Syarat ("T&S")

Dikemas kini pada 28 Februari 2022

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen Pendaftaran Wasiat Melalui HLB Connect ("Kempen") Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (HLISB) bermula pada 18 April 2022 dan berakhir pada 31 Mei 2022, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran Kempen, bergantung kepada yang mana berlaku dahulu ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN

2. Untuk layak menyertai Kempen ini, pelanggan ("Pelanggan") perlu memenuhi kriteria sebagai Pengguna sedia ada HLB Connect Online Banking.

KAEDAH KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk penulisan Wasiat atau Will berharga RM350 bagi setiap pendaftaran Wasiat atau Will melalui laman sesawang HLB Connect Online Banking untuk layak mendapat e-baucar pembelian (Ganjaran).
4. Untuk mengelakkan sebarang keraguan:
 - (a) Ganjaran akan diberikan berdasarkan pengesahan penulisan Wasiat atau Will yang diterima dari Amanah Raya Berhad ("ARB").
 - (b) Ganjaran akan dihantar kepada Pelanggan yang layak melalui e-mel kepada alamat e-mel yang berdaftar dengan HLB Connect dalam tempoh 90 hari dari tarikh pengesahan.
 - (c) Jumlah Ganjaran yang diperuntukkan dalam Kempen ini adalah 40 keping e-baucar Shopee bernilai RM50 setiap satu. Peruntukan Ganjaran adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat dan hanya akan tersedia jika peruntukan Ganjaran tidak digunakan sepenuhnya.
5. HLISB akan menghantar Ganjaran dalam bentuk e-kod unik yang dikeluarkan oleh Shopee melalui SMS ke nombor telefon bimbit Pelanggan yang layak melalui nombor yang didaftarkan di HLB Connect
6. Pelanggan yang layak bertanggungjawab untuk menebus Ganjaran secara langsung melalui aplikasi Shopee atau laman web Shopee dalam tempoh sah e-kod unik.
7. Ganjaran yang tidak ditebus dan tidak digunakan selepas tarikh luput akan terbatal dan tidak akan digantikan.
8. Penggunaan Ganjaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Pengguna Shopee dan Pelanggan yang layak adalah bertanggungjawab untuk membaca dan memahami polisi keselamatan dan privasi serta terma dan syarat Shopee.

Ahli PIDM

9. HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenuhan Ganjaran tidak berjaya akibat nombor telefon yang tidak betul atau luput yang diberikan oleh Pelanggan yang layak.
10. Pelanggan yang layak bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen tersebut.

PENGESAHAN PENULISAN WASIAT ATAU WILL

11. Penulisan Wasiat atau Will yang tidak lengkap dan tanpa pengesahan dari pihak ARB adalah tidak layak untuk memenangi Ganjaran Kempen ini.
12. Semua terma dan syarat yang sedia ada, peraturan dan undang-undang yang mengawal Penulisan Wasiat atau Will adalah diguna pakai.

KEPERLUAN TEKNIKAL

13. Kecuali jika ianya disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuaian melampau oleh pihak HLISB, HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang masalah yang disebabkan atau berkait dengan sambungan rangkaian internet, aplikasi perisian atau sistem. HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap sesiapa untuk sebarang keadaan diluar kawalannya, sebarang kelewatan atau arahan yang tidak diterima atau permintaan yang dibuat oleh sesiapa.

AM

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
 - (a) terikat oleh T&S di sini;
 - (b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan; dan
 - (c) bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, bayaran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen tersebut.
15. HLISB berhak:
 - (a) untuk membatalkan Kempen dalam keadaan di mana terdapat pembalikan Pelanggan yang layak atau penamatkan Tempoh Kempen pada setiap masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
 - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi

Ahli PIDM

- bicara HLISB dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu;
- (c) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas sebab tidak mematuhi Terma dan Syarat yang mungkin dianggap sesuai oleh HLISB untuk menyertai Kempen.
 - (d) menggantikan Ganjaran dengan barang lain dengan nilai yang sama pada budi bicara sendiri.
16. Ganjaran yang ditawarkan adalah dibiayai sepenuhnya oleh HLISB dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dan tidak boleh ditukarkan untuk wang tunai. HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai atau masalah yang mungkin timbul dari Ganjaran itu.
17. T&S di sini dan Terma dan Syarat Umum Akaun hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S khusus ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
18. T&S akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.